

13

Zakat Fitrah

Lambang Persaudaraan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَرَضَ الصِّيَامَ وَزَكَاةَ الْفِطْرِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ وَجَعَلَ فِيهِ
 لَيْلَةً خَيْرًا مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
 لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
 مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الَّذِي
 أَحْيَاهُ مَسْكِينًا وَأَمَاتَهُ مَسْكِينًا وَاحْشِرْهُ مَعَ زُمْرَةِ الْمَسَاكِينِ، وَعَلَى آئِلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ
 اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian...

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan saudara-saudara sekalian, agar marilah kita memperbanyakkan ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah untuk menggapai tingkat takwa apatah lagi kita kini berada di malam-malam akhir dalam bulan Ramadan yang mulia ini. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.”

(QS Ali-Imran (3): 102)

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Sepertimana yang sama-sama telah maklum, sekarang ini kita berada di minggu terakhir dalam bulan Ramadan dimana, pada malam-malamnya terutama malam yang ganjil dan khasnya pada malam 27 Ramadan merupakan malam yang dipenuhi rahmat dan keberkatan. Pada malam tersebut kita digalakkan agar mendekatkan diri kepada Allah dengan memperbanyakkan ibadah sunat seperti solat tarawih dan solat-solat sunat yang lain, membaca al-Quran, berzikir, bertahajud dan bermunajat di sepertiga malamnya di samping bersedekah dan menunaikan ibadah zakat. Ini kerana pada malam tersebut merupakan malam seribu bulan, malam al-qadr, malam kerohanian di mana, amal ibadah pada malam tersebut serupa dengan 83 tahun 3 bulan dari segi ganjarannya iaitu sebanding dengan purata jangka hayat

setiap orang dari umat junjungan besar kita, Nabi Muhammad s.a.w.

Meskipun malam al-qadr amat signifikan dalam kehidupan setiap umat Nabi Muhamad s.a.w namun, pada sesi kali ini, kita tidak akan membicarakan mengenainya dengan lebih terperinci kerana khatib berkeyakinan perihal malam *al-qadr* telah disentuh dengan panjang lebar oleh mimbar jumaat sebelum ini. Oleh itu, tajuk khutbah kita kali ini ialah “**ZAKAT FITRAH LAMBANG PERSAUDARAAN**” kerana sinonimnya kewajipan ibadah tersebut dengan hari raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba pada 1 Syawal ini.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan Allah Sekalian...

Pada lazimnya dalam sebuah masyarakat, wujud dua golongan, iaitu golongan yang berada dan golongan yang kurang berkemampuan. Namun, tidak boleh dinafikan, kedua-dua golongan ini mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam membangunkan negara. Sebagai *al-din*, agama Islam telah menawarkan *nizam ijtima'ie* atau peraturan hidup bermasyarakat yang cukup lengkap demi menjamin kesejahteraan sosial dan keharmonian bermasyarakat antara dua golongan tersebut.

Salahsatu daripada peraturan-peraturan tersebut ialah, kewajipan atau tanggungjawab orang yang berada ke atas golongan yang tidak berkemampuan. Sebagai *al-din*, Islam telah memperkenalkan satu kaedah untuk menjamin kelangsungan peraturan atau tanggungjawab tersebut. Malah pendekatan tersebut juga berupaya mendidik dan melatih manusia, menjadi seorang yang dermawan dan peduli. Dalam rangka mengimbangi dominasi sifat-sifat *mazmumah* dalam jiwa manusia yang merupakan ancaman terhadap kelangsungan hidup bermasyarakat seperti bakhil, kikir, tamak, haloba dan *ananiah* atau pentingkan diri

sendiri. Justeru itu, Allah memfardhukan ibadah zakat ke atas golongan yang berada, agar sebahagian harta yang mereka miliki dapat dinikmati oleh golongan yang kurang berkemampuan dan amat memerlukannya. Dalam konteks ini, Rasulullah s.a.w bersabda ketika mengutus Saidina Muaz bin Jabal r.a:

فَأَعْلَمَهُمْ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ
أَغْنِيَائِهِمْ، وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ.

Maksudnya: “.....Maka beritahulah oleh kamu kepada mereka bahawa Allah s.w.t telah memfardhukan dari sebahagian harta-harta mereka untuk disedekahkan (sebagai zakat), dipungut daripada orang-orang kaya dari kalangan mereka untuk diagih-agihkan kepada orang-orang fakir dari kalangan mereka.”

(HR Bukhari dan Muslim)

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Sempena bulan Ramadan yang mulia ini, apatah lagi kita sedang berada di penghujungnya, maka salah satu tanggungjawab yang wajib kita tunaikan sebagai penganut agama Islam adalah, menunaikan zakat fitrah. Zakat fitrah bererti zakat tubuh badan yang wajib ditunaikan menjelang hari raya Aidilfitri yang bakal kita raikan bersama. Zakat fitrah yang kita tunaikan itu, sebenarnya bertindak sebagai alat penyuci yang membersihkan kekotoran dan kecuaiian yang dilakukan semasa berpuasa. Ianya juga merupakan tali pengikat kasih sayang dan persaudaraan sesama anggota masyarakat. Dalam sebuah hadis diberitakan bahawa Ibnu Abbas berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ
مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ.

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w telah memfardhukan zakat fitrah (pada bulan Ramadan) untuk mensucikan bagi orang yang berpuasa daripada segala perbuatan lagha (keji) dan perkataan yang buruk (yang dilakukan ketika sedang berpuasa) dan untuk dijadikan makanan bagi orang-orang yang miskin.....”

(HR Abu Daud)

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Bulan Ramadan yang sinonim sebagai bulan berlapar dan dahaga tidak jemu-jemu kunjung tiba mendidik dan melatih kita agar jadi insan pemurah dan peduli. Marilah kita sama-sama mengambil manfaat dengan memperbanyakkan ibadah, menunaikan zakat fitrah dan zakat harta serta bersedekah sepanjang bulan yang mulia ini. Diberitakan dalam sebuah hadis oleh Anas bin Malik r.a bahawa:

سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّ الصَّوْمِ أَفْضَلُ بَعْدَ رَمَضَانَ؟
قَالَ : شَعْبَانَ لِتَعْظِيمِ رَمَضَانَ. قَالَ : فَأَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟ قَالَ :
الصَّدَقَةُ فِي رَمَضَانَ.

Maksudnya: “Nabi s.a.w ditanya : “Puasa apakah yang lebih utama sesudah (puasa) Ramadan?” Baginda menjawab : “Puasa Syaaban kerana mengagungkan bulan Ramadan.” Ia ditanya lagi

: “Sedekah apakah yang paling utama?” Baginda menjawab :
 “Sedekah pada bulan Ramadan.”

(HR al-Tirmizi)

Dalam konteks ini, mimbar Jumaat menyeru kepada saudara muslimin sekalian, agar menunaikan ibadah zakat harta di Pusat Zakat Sabah (MUIS) dan membayar zakat fitrah kepada amil-amil bertauliah yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah yang merupakan pihak yang dipertanggungjawabkan oleh pemerintah untuk memungut dan mengagihkan zakat di negeri Sabah. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Nisa ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن
 نَنزَعْنَكُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
 الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya “Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu, kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

(QS al-Nisa(4): 59)

Dalam pada itu Muzakarah kali ke 76 Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 21 November 2006 telah memutuskan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (Amil yang ditauliahkan) adalah salah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Ini sejajar dengan Enakmen Zakat Dan Fitrah Negeri Sabah Tahun 1993 Seksyen 61 (kurungan satu) yang memperuntukkan:

- a) Mana-mana orang dengan sengaja enggan membayar zakat atau fitrah yang bertanggung ke atasnya untuk membayar, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman dengan tidak melebihi empat ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.
- b) Mahkamah (Mahkamah Syariah), boleh memerintah supaya zakat dan fitrah itu dijelaskan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Manakala Seksyen 67 (kurungan satu), menegaskan mana-mana orang yang sebagai tidak dibenarkan Enakmen ini untuk berbuat sedemikian (yakni Pemungutan Zakat Tak Berkebenaran) atau cuba memungut Zakat atau Penalti di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ
 لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepada-Nya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: “Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.”

(QS al-Munafiqun (63) : 10)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
 الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
 الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
 الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
 فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.